



Transformation Management Office (TMO)
The Secretariat for PCG
Level 29, Mercu UEM
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel: +603 2119 0000 Faks: +603 2119 0008
pcg@treasury.gov.my



KENYATAAN MEDIA

Putrajaya, 15 September 2009

Program Pertukaran Penempatan Perkhidmatan Awam-GLC Dilancar, Tanda Kerjasama Lebih Erat Sektor Awam-Swasta

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak hari ini telah melancarkan program pertukaran antara kakitangan Kerajaan dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLCs"), dinamakan **Program Pertukaran Penempatan antara Perkhidmatan Awam dan GLC**.

Perdana Menteri yang menekankan mengenai kepentingan modal insan kepada negara berkata, program pertukaran itu bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan kepimpinan kakitangan Kerajaan dan juga GLC di peringkat pengurusan.

"Program pertukaran bakat ini dijangka dapat mengukuhkan kecekapan dan juga *versatility* kedua-dua sektor awam dan swasta di negara ini. Ia bertujuan untuk membangunkan satu generasi baru pemimpin berprestasi tinggi yang memiliki kefahaman kukuh mengenai operasi dan peranan Kerajaan dalam memudahkan perniagaan serta membenarkan pemindahan pengetahuan dan kemahiran antara Kerajaan dan GLC," kata Dato' Sri Mohd Najib pada majlis pelancaran program itu di sini hari ini.

Program Pertukaran Penempatan Perkhidmatan Awam-GLC itu dilancarkan oleh Perdana Menteri sempena mesyuarat ke-20 Jawatankuasa Putrajaya mengenai Prestasi Tinggi GLC di Kementerian Kewangan. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Nor Mohamed Yakcop; Menteri Kewangan Kedua, YB Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah; para pegawai kanan Kementerian Kewangan, ketua-ketua daripada Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan¹ ("GLIC") dan pengerusi serta ketua pegawai eksekutif syarikat-syarikat G-20².

Program tersebut merupakan lanjutan kepada program Tugas Bersilang GLC yang dilancarkan lebih awal tahun ini. Di bawah program pertukaran Kerajaan-GLC ini, para peserta akan ditugaskan ke lokasi hos untuk tempoh dua tahun, dengan satu tinjauan semula dibuat selepas setahun. Setakat ini, 40 orang peserta terlibat dalam program berkenaan, yang mana 20 daripada perkhidmatan awam dan 20 daripada GLC. GLIC yang mengambil bahagian ialah Khazanah Nasional Bhd dan Lembaga Tabung Haji manakala GLC terlibat ialah Axiata Group Bhd, Malaysia Airlines System Bhd, Malaysia Airport Holdings Bhd, Proton Holdings Bhd, Pos Malaysia Bhd, Telekom Malaysia Bhd dan UEM Group Bhd.

¹ Lima buah GLIC ialah Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Lembaga Tabung Haji.

² G-20 merupakan pilihan 20 buah GLC terbesar yang dikuasai oleh GLIC di dalam PCG. Sekarang ini terdapat 19 GLC di dalam G-20 berikutan penggabungan Sime Darby dan pemisahan TM. UEM Group telah menggantikan UEM World berikutan langkah penstrukturan semula UEM dan TSRnya telah dihitung menggunakan anak-anak syarikatnya yang tersenarai sebagai proksi.



Transformation Management Office (TMO)
The Secretariat for PCG
Level 29, Mercuri UEM
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel: +603 2119 0000 Faks: +603 2119 0008
pcg@treasury.gov.my



Pelancaran Program Pertukaran Penempatan Kerajaan-GLC menandakan permulaan baru kepada kerjasama yang lebih erat antara sektor awam-swasta. Objektif program itu adalah untuk memupuk pemimpin perniagaan GLC berprestasi tinggi yang memiliki kefahaman kukuh mengenai operasi Kerajaan; dan juga untuk mempercepatkan pembangunan pemimpin sektor awam yang mahir perniagaan, dengan menyediakan skop pengalaman kerja sektor swasta yang lebih luas kepada kakitangan kerajaan berprestasi tinggi serta menggalakkan mereka memainkan peranan untuk memudahkan perniagaan.

Program itu juga akan menggalakkan pemindahan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan antara Kerajaan dan GLC, dan dengan secara langsung menyumbang kepada kekayaan modal insan negara. Ia merupakan faktor kejayaan yang kritikal ketika Malaysia menghala ke arah model ekonomi baru yang sedang mengubah negara kepada ekonomi berlandaskan perkhidmatan.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Asuki Abas di nombor +603-2034-0294 atau melalui e-mel asuki.abas@khazanah.com.my